

**PEMBELAJARAN UNTUK KEFAHAMAN: KAJIAN
KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELA-
JARAN SEJARAH MENGGUNAKAN TEORI
PEMBELAJARAN KONSTRUKTIVISME**

ABD.MALEK BIN SELAMAT

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2004**



PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

22.05.2004

ABD MALEK BIN SELAMAT
2000-00073

DEDIKASI

Buat Ayahanda,
Selamat bin Muksin
Mohamed Li bin Choo Mohamed

Bonda,
Katmiah binti Wardi
Jeriah binti Shaari

Adinda,
Shahrizawati binti Mohamed Li

Anakanda,
Ahmad Amzar Khairi
Ahmad 'Afif Zhafran
Ahmad Zharif Aisar
'Alia Insyirah

Terima kasih atas pengorbanan dan sokongan moral kalian...

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Setinggi kesyukuran saya rafa'kan kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya kajian ini dapat disempurnakan walaupun menempuh perjalanan serta liku-liku yang panjang dan meleihkan. Penghasilan disertasi ini merupakan syarat utama bagi penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (M.Ed) dalam bidang Pengurusan dan Perkembangan Kurikulum.

Setinggi terima kasih kepada penyelia saya, Professor Madya Dr.Nagendralingan Ratnavadivel, kerana membimbing saya dalam menghasilkan kajian ini. Saya kira, tanpa perkongsian ilmu kualitatif daripadanya, menjadikan saya sesat di tengah-tengah timbunan data yang tidak tahu mana hujung dan mana pangkalnya. Tentunya, tanpa tunjuk ajar serta panduan daripadanya saya yakin kajian ini masih belum boleh dipersembahkan sebegini rupa. Terima kasih juga kerana tidak jemu-jemu 'meniupkan' semangat saya untuk menyudahkan disertasi ini yang menempuh perjalanan yang cukup beronak dan berliku kerana adakalanya semangat saya terlalu malap dan hampir padam.

Terima kasih juga kepada Pn.Hjh Mahrom binti Mahmood, Ketua Unit Sejarah dan Kajian Tempatan (Kini bertugas di MSD, Chichago, Amerika Syarikat) serta Encik Ridzwan di Pusat Perkembangan Kurikulum kerana membenarkan beberapa dokumen penting dipinjam serta disalin bagi kegunaan penghasilan disertasi ini.

Terima kasih kepada pihak pentadbir sekolah, guru-guru serta para pelajar yang terlibat dalam kajian lapangan.

Tidak dilupakan juga individu yang turut terlibat dalam memberi apa jua bantuan sama ada secara material ataupun pandangan dan buah fikiran.

Terima kasih kepada isteri dan anakanda-anakanda yang sentiasa memberikan perangsang dan dorongan. Maaf kerana banyak masa kalian yang terpaksa diambil untuk menyempurnakan misi ini. Juga ayahanda dan bonda, terima kasih kerana memahami kekangan masa yang ada.

Sesungguhnya tiada apa yang mampu dihulurkan melainkan ucapan terima kasih semoga ia akan mendapat setinggi-tinggi ganjaran di sisi Tuhan.

Terima kasih

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

ABD.MALEK BIN SELAMAT

Taman Bernam Baru, Tg.Malim.

22 MEI 2004

1425 ربيع الأول 27

ABSTRAK

Kajian secara kajian kes ini bertujuan memberi satu gambaran deskriptif tentang pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sebuah sekolah menengah. Seterusnya kajian ini memperjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku berasaskan penggunaan satu Modul Pengajaran Konstruktivisme dalam Sejarah (MPKdS) yang dihasilkan berdasarkan “Phases in Teaching Schemes” yang dikemukakan oleh Needham. Kajian ini melibatkan empat fasa: Fasa Orientasi, Fasa Pemerhatian, Fasa Keterlibatan dan Fasa Pemantapan. Persampelan dalam Fasa Pemerhatian terdiri daripada enam orang guru, serta tujuh orang pelajar. Untuk Fasa Keterlibatan persampelan terdiri daripada 28 orang pelajar tingkatan empat. Mereka dibahagi kepada dua kumpulan (setiap kumpulan mengandungi 14 orang pelajar). Kedua-dua kumpulan tersebut melalui dua sesi pengajaran yang menggunakan MPKdS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa senario pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah tersebut lebih mengarah kepada peperiksaan sehingga dilihat mengesampingkan matlamat sebenar mata pelajaran Sejarah, iaitu untuk tujuan kenegaraan. Kajian ini juga mendapati MPKdS dilihat amat berpotensi bagi meningkatkan kadar pemahaman para pelajar tentang Sejarah. Pendekatan berfikir secara serius dalam kumpulan membolehkan para pelajar mengupayakan minda mereka untuk menjadi lebih produktif dalam menghasilkan idea-idea yang menggambarkan kadar pemahaman yang lebih tinggi tentang tajuk yang dipelajari. Kesimpulannya MPKdS dilihat berpotensi untuk digunakan sebagai kaedah alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah. MPKdS, yang berasaskan konstruktivisme, dilihat dapat mengubah cara pembelajaran yang berasaskan penghafalan kepada yang memudahkan pembelajaran untuk kefahaman.

ABSTRACT

This case study research aims at giving a description of the teaching and learning of history in a secondary school. It then proceeds to elaborate the teaching and learning process that occurs, based on the use of a Constructivist Teaching Module for History (MPKdS being its acronym in the Malay Language), designed based on Needham's "Phases in Teaching Schemes". The study involves four phases: Orientation Phase, Observation Phase, Participation Phase and Consolidation Phase. Sampling in the Observation phase consisted of six teachers and seven students. For the Participation Phase, a sample of 28 form four students were selected. They were divided into two groups of fourteen students each. Both the groups underwent two lessons using the MPKdS module. The findings of the study showed that the teaching and learning of history was geared more towards the need of preparing the students for examinations, to the extent that it detracted from the actual purpose of learning history for citizenship. The study also showed that MPKdS had the potential to improve the students' level of understanding of history. The serious thinking approach in groups allowed the students to enable their minds to become more productive in producing ideas that exhibited a higher level of understanding of the topics learnt. It can be concluded that MPKdS has the potential to be used as an alternative method in the teaching and learning of history in schools. MPKdS, which is based on constructivism is able to change learning based on memorization to facilitation of learning based on understanding, with the use of constructivist methods.

KANDUNGAN	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH DAN JADUAL	x
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	12
1.3 Kepentingan Kajian	18
1.4 Objektif Kajian	20
1.5 Persoalan Kajian	21
1.6 Batasan Kajian	21
1.7 Definisi Operasional	26
1.7.1 Definisi Pembelajaran Untuk Kefahaman	26
1.7.2 Definisi Kajian Kes	27
1.7.3 Definisi Pembelajaran Sejarah	31
1.7.4 Definisi Teori Pembelajaran konstruktivisme	34
BAB II TINJAUAN LITERATUR	
2.1 Pembelajaran Untuk Kefahaman	46
2.2 Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah	52
2.3 Teori Pembelajaran Konstruktivisme	62
Kesimpulan	68
BAB III METODOLOGI PENYELIDIKAN	
3.1 Pengenalan	70
3.2 Reka bentuk kajian	71
3.2.1 Penyelidikan Kualitatif	71
3.2.2 Paradigma Kualitatif	74
3.2.3 Kriteria Penting Kajian Kualitatif	76
3.3 Kerangka Konseptual Kajian	80
3.3.1 Konsep Kajian Kes	81
3.3.2 Konsep Pembelajaran Untuk Kefahaman	82
3.3.3 Konsep Senario Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah	83
3.3.4 Konsep Modul Pengajaran Konstruktivisme dalam Sejarah (MPKdS)	84
3.4 Kerangka kajian	84
3.5 Persampelan	85
3.6 Prosedur Kajian	89
3.6.1 Prosedur Teknikal	90

3.6.2 Prosedur Di Lapangan	90
(a) Fasa Orientasi	91
(b) Fasa Pemerhatian	91
(c) Fasa Keterlibatan	92
(d) Fasa Pemantapan	93
3.7 Instrumen Kajian	94
3.7.1 Modul Pembelajaran Konstruktivisme dalam Sejarah (MPKdS)	94
3.7.2 Borang Pencerapan Umum (BPU)	96
3.7.3 Borang Pencerapan Pengajaran Konstruktivisme (BPPK)	96
3.7.4 Panduan Temu Bual (PTB)	98
3.8 Teknik Pengumpulan Data	98
3.8.1 Pemerhatian	99
3.8.2 Catatan Dalam Ruang Catatan Rancangan Pengajaran (Catatan Pencerapan)	101
3.8.3 Ulasan Lisan Pencerap	101
3.8.4 Temubual	102
3.8.5 Memo Reflektif dan Memo Pencerapan	104
3.9 Reka Bentuk Analisis dan Tafsiran Data	105
3.9.1 Analisis Isi Kandungan	106
3.9.2 Analisis Dokumen	108
3.9.3 Pengekoden (<i>Coding</i>)	108
(a) Membina Kod (<i>Open Coding</i>)	108
(b) Pengelompokan Kod (<i>Axial Coding</i>)	110
(c) Pengekoden Terpilih (<i>Selective Coding</i>)	113
3.10 Kebolehpercayaan (<i>Trustworthiness</i>)	114
3.10.1 Kredibiliti (<i>Credibility</i>)	115
(a) Triangulasi (<i>Triangulation</i>)	115
(b) Semakan Ahli (<i>Member Cheks</i>)	117
3.10.2 Daya Pemindahan (<i>Transferability</i>)	118
3.10.3 Daya Pertahanan (<i>Dependability</i>)	120
3.10.4 Daya Pengesahan (<i>Conformability</i>)	121
Kesimpulan	122

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1 Bagaimana Senario Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah?	124
4.1.1 Iklim Pembelajaran	127
4.1.2 Pengurusan Bilik Darjah	131
4.1.3 Kejelasan Pengajaran	136
4.1.4 Kepelbagaian Kaedah Pengajaran	141
4.1.5 Orientasi Tugas Dan Tanggungjawab Guru	151
4.1.6 Penglibatan Pelajar Dalam Proses Pembelajaran	152
4.1.7 Penguasaan Dalam Asas Kemahiran Akademik	156
4.1.8 Penekanan Proses Pemikiran Tinggi Dan Hasil Persembahan	158
4.1.9 Interaksi Antara Guru Dan Murid	160

(a) Interaksi Bilik Darjah (Secara Keseluruhan)	160
(b) Interaksi Bilik Darjah Dalam Tiga Bidang	162
(c) Tempoh Interaksi	164
Kesimpulan	165
4.2 Apakah Kekuatan Dan Kelemahan Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah?	167
4.2.1 Kelemahan Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah	168
4.2.2 Kekuatan Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah Menengah	186
Kesimpulan	188
4.3 Adakah Penggunaan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Berasaskan Modul Pembelajaran Konstruktivisme Dapat Menghasilkan Pembelajaran Untuk Kefahaman?	190
4.3.1 Senario Satu: Kumpulan A (Sesi Pertama)	192
4.3.2 Senario Dua: Kumpulan B (Sesi Pertama)	199
4.3.3 Senario Tiga: Kumpulan A (Sesi Kedua)	204
4.3.4 Senario Empat: Kumpulan B (Sesi Kedua)	210
Kesimpulan	224
BAB V CADANGAN DAN PENUTUP	
5.1 Cadangan	230
5.1.1 Cadangan Untuk Meningkatkan Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran Sejarah Di Sekolah	231
5.1.2 Cadangan Untuk Pengajaran Konstruktivisme	239
5.1.3 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	244
5.2 Penutup	246
RUJUKAN.	247

SENARAI RAJAH DAN JADUAL

Senarai Rajah		Muka Surat
Rajah 3.1	Kerangka Konseptual Kajian	80
Rajah 4.1	Fokus kajian senario pengajaran dan pembelajaran Sejarah	126
Senarai Jadual		
Jadual 3.1	Bilangan dan kriteria pemilihan sampel temu bual pelajar Fasa Pemerhatian	87
Jadual 3.2	Bilangan dan kategori pemilihan sampel pelajar Fasa Keterlibatan	88
Jadual 3.3	Jumlah sampel yang terlibat dalam kajian	88
Jadual 3.4	Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Fasa Keterlibatan secara keseluruhan.	93
Jadual 3.5	Jadual matriks senario pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah menengah	112
Jadual 3.6	Jadual matriks senario pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah menengah- Aspek-aspek lain	112
Jadual 3.7	Jadual matriks keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Modul Pengajaran Konstruktivisme dalam Sejarah (MPKdS)	113
Jadual 3.8	Kategori data kajian lapangan	123
Jadual 4.1	Pelaksanaan pengajaran Modul Pengajaran Konstruktivisme dalam Sejarah (MPKdS)	192

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Mata pelajaran Sejarah dalam konteks pendidikan di Malaysia, mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Ia mula diperkenalkan pada tahun 1918, dengan nama Tawarikh. Pada tahun 1927, Sejarah Melayu telah digunakan sebagai teks Sejarah untuk darjah lima (Siti Zainon Mat, 1990). Menjelang tahun 1930-an terdapat bukti bahawa Sejarah telah menjadi sebahagian daripada kurikulum sekolah rendah dan menengah di Malaysia [Tanah Melayu] (Aini Hassan, 1986). Walau bagaimanapun pada zaman penjajahan, fokus pendidikan diasaskan tanpa mengambil kira kepada keperluan pembangunan, pembentukan identiti kebangsaan dan perpaduan negara. Pada masa itu, perkembangan persekolahan di Tanah Melayu seakan bersifat *ad-hoc* serta mengikut hala tuju sekolah masing-masing. Umpamanya sekolah Melayu yang dibuka oleh Inggeris bagi mengalih tumpuan orang-orang Melayu kepada institusi pondok telah mendapat tentangan di kalangan orang Melayu sendiri. Menurut Awang Had Salleh, bagi orang-orang Melayu institusi pondok bukan sekadar satu institusi pendidikan sahaja malah merupakan satu komuniti total (Zainal Kling, 1977). Mereka juga

beranggapan pelajaran dalam bahasa Melayu tidak memberi manfaat tanpa pendidikan agama. Justeru Skinner pada tahun 1871 telah mengadakan kelas-kelas agama bersama-sama pelajaran bahasa Melayu di sekolah Melayu yang diwujudkan oleh British. Ternyata tindakan Skinner itu mendapat sambutan yang baik di kalangan orang-orang Melayu (Shahril Marzuki et al., 1998).

Ini kerana pihak liberal (di kalangan penjajah British) mengiktiraf pendidikan sebagai wahana yang paling baik untuk memodnisasikan dan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan dari nilai-nilai Barat di kalangan rakyat jelata. Untuk beberapa ketika aliran pemikiran ini telah mempengaruhi dasar pendidikan penjajah di Semenanjung Malaysia yang bercorak dualistik dan dicirikan oleh:

- (i) Satu sistem pendidikan penjajah bercorak tradisional yang bertujuan melatih tenaga manusia yang diperlukan untuk mengisi jawatan-jawatan rendah di sektor ekonomi modn. Peranan ini menjadi tanggungjawab sekolah-sekolah aliran Inggeris. Umpamanya Penang Free School (1816) dan Melaka Free School (1826).
- (ii) Sekolah-sekolah vernakular Melayu, Cina dan Tamil bertujuan menyebarkan nilai-nilai dan ilmu selaras dengan keperluan serta keperibadian masyarakat tradisional masing-masing. Sekolah vernakular Melayu yang sebahagian besarnya terdapat di kawasan luar bandar, telah didirikan dan ditanggung oleh kerajaan British. Sebaliknya pihak penjajah tidak begitu mengambil peduli sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil. Maka, sekolah-sekolah vernakular Cina dan Tamil ditubuhkan oleh masyarakat masing-masing atau pihak swasta (Ratnavadivel, 1985).

Oleh yang demikian sebelum tahun 1920, (sebelum undang-undang untuk mendaftar sekolah dan guru sekolah Cina dikuatkuasakan), kaum Cina mengambil inisiatif sendiri untuk menubuhkan sekolah-sekolah dengan menggunakan loghat masing-masing serta pelajarannya yang kurang tersusun. Begitu juga bagi perkembangan persekolahan Tamil, sekolah-sekolah didirikan di kawasan ladang dan bandar (di mana terdapat ramai penduduk Tamil). Di kawasan bandar, ia diusahakan sendiri oleh masyarakat Tamil manakala di kawasan ladang, ia diuruskan oleh pihak ladang. Tahap pendidikan hanya di peringkat rendah dan tenaga pengajarnya kebanyakannya dibawa dari India serta tidak terlatih (Ratnavadivel, 1985). Menurut Tunku Ismail Jewa, keadaan ini berlaku kerana dasar British tidak menyokong memberi pelajaran kepada anak-anak buruh yang berhijrah ke Tanah Melayu, maka oleh sebab itulah pembinaan sekolah-sekolah Tamil diusahakan oleh pihak swasta (Zuraina Majid, 1985).

Isi kandungan kurikulum pada masa itu jelas dipengaruhi oleh kurikulum negara luar: Britain bagi sekolah aliran Inggeris, China bagi sekolah Cina dan India bagi sekolah Tamil. Walaupun semakin berkurangan, kurikulum Britain masih mempengaruhi kurikulum sekolah di Malaysia sewaktu kita mencapai kemerdekaan. Pengaruh negara China dan India beransur tamat apabila Laporan Razak 1956 memastikan satu sukatan pelajaran dan peperiksaan yang sama dilaksanakan seperti yang termaktub dalam Ordinan Pelajaran, 1957 (Maharom Mahmood, 2001). Walau bagaimanapun dalam beberapa keadaan pengaruh itu masih berpanjangan sehingga selepas merdeka. Umpamanya dalam mata pelajaran bahasa dan kesusasteraan Tamil serta China. Ini kerana kedua-dua negara tersebut terus menjadi rujukan utama dalam

proses perkembangan bahasa dan kesusasteraan di dunia yang melibatkan kedua-dua bidang bahasa.

Kurikulum Sejarah yang berorientasikan pandangan penjajah, jelas tidak sesuai lagi digunakan di sekolah-sekolah kerana kandungannya terlalu luas dan tidak banyak mengandungi aspek-aspek sejarah tempatan di samping lebih merupakan sejarah perkembangan empayar British di seluruh dunia (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1978). Ditambah pula dengan beberapa peristiwa yang berlaku, menambahkan lagi perlunya kurikulum Sejarah dikaji semula. Pertama, penggubalan Rukun Negara ke arah pencapaian perpaduan negara; kedua, Kongres Kebudayaan Malaysia, Ogos 1971 membincangkan tema *Penyelidikan Penulisan dan Pengajaran Sejarah Tanah Air* untuk memupuk keperibadian kebangsaan Malaysia dan; ketiga, Seminar Sejarah Malaysia I dan II, 1973 dan 1974, anjuran Persatuan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia (membincangkan rangka kurikulum Sejarah di sekolah, bahan-bahan Sejarah dan pengumpulan serta penulisan buku teks Sejarah). Walau bagaimanapun pertimbangan yang paling besar sekali dalam konteks keperluan kepada penggubalan sukatan pelajaran Sejarah ialah pendapat dan maklum balas yang diterima daripada guru-guru dan pensyarah-pensyarah maktab/universiti tentang perlaksanaan mata pelajaran ini di sekolah-sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1978)

Selaras dengan matlamat utama negara Malaysia untuk membina satu masyarakat yang adil dan bersatu padu di kalangan rakyat yang berbilang keturunan sekali gus mencerminkan negara yang merdeka, maka enam matlamat mata pelajaran Sejarah telah disusun dalam sukatan pelajaran Sejarah 1978:

- (i) *Mengenali keperibadian kebangsaan melalui Sejarah tanah air.*
- (ii) *Mewujudkan perasaan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal.*

- (iii) *Mewujudkan ingatan bersama tentang Sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan, di kalangan rakyat Malaysia.*
- (iv) *Memupuk persefahaman antarabangsa.*
- (v) *Membangkitkan minat terhadap Sejarah.*
- (vi) *Mencetus dan mengembangkan pemikiran yang kritis.*

(Kementerian Pelajaran Malaysia, 1978, hlm.2-3)

Dalam konteks ini, mata pelajaran Sejarah diharap akan dapat dijadikan pemangkin bagi mewujudkan ingatan bersama dan sebagai rujukan kesedaran kebangsaan di kalangan rakyat Malaysia. Sehingga di peringkat ini, (Laporan Razak, 1956 dan Laporan Rahman Talib, 1960) tidak terlintas langsung untuk memasukkan sebuah falsafah dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan. Apa yang dipentingkan pada masa ini adalah ke arah menyatukan semua bangsa di Malaysia melalui penggunaan bahasa Melayu yang meluas dan mengamalkan satu budaya yang bercorak Malaysia (Mohd. Salleh Lebar, 1996)

Selaras dengan arus peredaran masa serta hasil daripada perakuan-perakuan yang termaktub dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979, (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990a) kurikulum Sejarah sekali lagi berubah pada tahun 1988, bagi menangani keperluan dan tuntutan semasa. Di peringkat ini, kurikulum Sejarah telah dibahagikan kepada dua peringkat. Peringkat Sekolah Menengah Rendah (SMR) (Tingkatan Satu hingga Tiga) dan Sekolah Menengah Atas (SMA) (Tingkatan Empat dan Lima). Matlamat Sejarah SMR adalah :

Matlamat pendidikan Sejarah adalah untuk memupuk semangat setia negara dan perasaan bangga sebagai rakyat Malaysia. Melalui pengetahuan dan penghayatan Sejarah tanah air, pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan terhadap masyarakat dan negara sebagai satu unit tunggal, mewujudkan ingatan bersama terhadap Sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan memperkukuhkan perasaan cintakan tanah air. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990b, hlm. 283)

Selain daripada itu, sukatan pelajaran Sejarah SMR mengemukakan tujuh objektif pengajaran Sejarah :

- (i) *Memahami perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial.*
- (ii) *Memahami dan menghargai ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian.*
- (iii) *Menghargai usaha-usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kemerdekaan dan kedaulatan dan tokoh-tokoh yang menghasilkan pembangunan negara.*
- (iv) *Mempunyai kesedaran Sejarah dalam pemahaman hakikat dan keadaan masyarakat dan negara masa kini.*
- (v) *Menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta Sejarah negara secara rasional.*
- (vi) *Mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan yang berasaskan iktibar daripada pengalaman Sejarah.*
- (vii) *Mempunyai kesedaran, kepekaan dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara.*

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988, hlm. 2-3)

Manakala matlamat pendidikan Sejarah SMA:

Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh identiti diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan Sejarah negara Malaysia dan Sejarah peradaban manusia, para pelajar akan dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan Sejarah dunia dalam usaha mewujudkan perasaan bangga dan cintakan tanah air, semangat kekitaan dan perpaduan, dan persefahaman antarabangsa. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990a , hlm.2)

Manakala, sukatan pelajaran Sejarah SMA pula mengemukakan sembilan objektif pendidikan Sejarah:

- (i) *Memahami secara mendalam Sejarah perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya;*
- (ii) *Memahami kedudukan negara sebagai sebahagian daripada peradaban dunia;*
- (iii) *Memahami perkembangan peradaban dunia dan sumbangannya terhadap kehidupan manusia;*
- (iv) *Mempertingkatkan kemahiran menganalisis, mensintesis dan menilai fakta-fakta Sejarah secara rasional dan kritis;*
- (v) *Memperkukuh daya pemikiran dan kematangan yang berasaskan iktibar daripada pengalaman Sejarah;*

- (vi) *Mempunyai kesedaran dan pemikiran Sejarah dalam pemahaman hakikat dan keadaan masa kini;*
 - (vii) *Mempertingkatkan kesedaran, kepekaan dan semangat ingin melibatkan diri dalam usaha-usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara;*
 - (viii) *Mempunyai dan mengamalkan warisan nilai-nilai kemanusiaan sarwajagat; dan*
 - (ix) *Mempunyai minat terhadap Sejarah sebagai satu disiplin ilmu.*
- (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990a, hlm.2-3)

Jelasnya matlamat mata pelajaran Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) ada dua fasa. Fasa pertama SMR untuk memupuk semangat kewarganegaraan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Oleh itu ia memberi penekanan terhadap pengetahuan tentang Sejarah negara dan nilai-nilai yang dapat memupuk semangat kewarganegaraan. Manakala fasa kedua SMA, untuk memberi pemahaman ilmu dan memupuk pemikiran Sejarah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990a). Oleh itu Sejarah disampaikan sebagai maklumat dan juga sebagai satu pendekatan terhadap ilmu. Ia juga dilihat sebagai satu disiplin yang mempunyai cara-cara tersendiri untuk meninjau dan memberi makna kepada pengalaman silam serta seperti mempunyai sikap terbuka dan kritis terhadap keterangan dan tafsiran dalam Sejarah dan mengakui kebenaran Sejarah.

Kini, kurikulum Sejarah telah disemak semula serta disasarkan ke hala tuju yang selaras dengan senario abad ke-21 yang penuh dengan cabaran serta bersifat global. Dalam konteks ini, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (2000a), telah menggariskan beberapa perkara dalam mencorak kurikulum Sejarah:

Mestilah bersifat futuristik, fleksibel dan dinamik supaya dapat menentukan corak masyarakat yang ditentukan dan apakah profil seseorang bangsa Malaysia yang akan dibentuk untuk menjadi warga negara Malaysia. Warganegara bagi abad ke-21 mestilah dapat menangani cabaran yang akan dibawa oleh globalisasi, ledakan ilmu dan maklumat. Warganegara ini mesti

juga dapat merancang masa depan mereka berasaskan peristiwa Sejarah supaya mereka dapat membuat pilihan yang bijak, sesuai dengan budaya dan nilai-nilai setempat. Dengan itu unit kekeluargaan, nilai masyarakat dan identiti sebagai masyarakat Malaysia perlu dipertahankan dan diperkukuhkan. Selain itu, perancangan kurikulum ini juga perlu melanjutkan kesinambungan wawasan negara bagi membina identiti kebangsaan iaitu membentuk bangsa Malaysia yang berwibawa dan berimej tinggi di mata antarabangsa. Perpaduan perlu dijadikan fokus utama supaya Malaysia menjadi model dalam memperlihatkan 'kesatuan' masyarakat yang berbilang kaum. Kurikulum abad ke-21 perlu mengambil kira isu-isu semasa di dalam dan di luar negara supaya mereka dapat mengambil iktibar daripada apa yang berlaku. Dengan ini bangsa kita tidak leka dan menjadi rapuh serta terhakis dengan perubahan-perubahan yang pesat. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000a, hlm.1)

Landasan ini bertepatan dengan kenyataan Wan Zahid Noordin (1995) yang menjelaskan bahawa dalam pembinaan kurikulum berkualiti menjelang abad ke-21, mestilah berorientasikan sesuatu citra (imej) masa hadapan yang berkaitan dengan aktiviti membuat ramalan dan merancang untuk mengisi keperluan masa depan amat penting, ia bukan sahaja kerana perubahan yang berlaku dalam masyarakat kini terlalu pantas dan mendadak, tetapi juga kerana anak didik yang menggunakan kurikulum kita itulah yang sebenarnya yang akan berhadapan dengan realiti kehidupan masa hadapan. Dalam konteks ini, beliau menggariskan dua lagi ciri kurikulum berkualiti iaitu; dinamik (sentiasa berubah) dan *coherent* (tegas, jelas dan mempunyai wacana).

Oleh yang demikian matlamat kurikulum Sejarah dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah edisi 2000 secara jelas menyatakan:

Pendidikan Sejarah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia. Melalui pengetahuan dan penghayatan Sejarah tanah air dan Sejarah negara luar yang berkaitan, para pelajar dapat memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan Sejarah dunia. Usaha ini bertujuan mewujudkan semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan negara Malaysia. Pendidikan Sejarah juga dapat

mewujudkan ingatan bersama terhadap peristiwa Sejarah sebagai kerangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b, hlm.3)

Selain daripada itu, kurikulum Sejarah edisi 2000 ini juga menggariskan sembilan objektif:

- (i) *menyatakan kepentingan Sejarah sebagai satu disiplin ilmu dan mengamalkannya sebagai pendidikan sepanjang hayat serta mampu berdikari;*
- (ii) *menjelaskan perkembangan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi, dan sosial;*
- (iii) *menghuraikan ciri-ciri kemasyarakatan dan kebudayaan Malaysia serta mengamalkannya dalam kehidupan seharian;*
- (iv) *menghargai usaha dan sumbangan tokoh-tokoh yang memperjuangkan kedaulatan, kemerdekaan dan pembangunan negara;*
- (v) *memiliki semangat patriotik dan melibatkan diri dalam usaha mempertahankan kedaulatan, pembangunan dan kemajuan negara;*
- (vi) *menjelaskan kedudukan Malaysia sebagai sebahagian daripada peradaban dunia dan sumbangannya di peringkat antarabangsa;*
- (vii) *mengambil iktibar daripada pengalaman Sejarah untuk mempertingkatkan daya pemikiran dan kematangan;*
- (viii) *mengamalkan nilai-nilai murni; dan*
- (ix) *menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta Sejarah Malaysia dan dunia luar secara rasional.*

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b, hlm.3)

Secara perbandingan, kurikulum Sejarah edisi 2000 ini, lebih mementingkan aspek kesinambungan antara pendidikan di peringkat SMR dan SMA supaya asas-asas pengetahuan, nilai-nilai murni, kemahiran belajar dan pengalaman yang diperoleh dapat diperkukuh dan diperkembangkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000b). Justeru, kurikulum edisi 2000 ini hanya mempunyai satu matlamat dan objektif di kedua-dua peringkat aras persekolahan SMR dan SMA) berbanding kurikulum Sejarah sebelum ini yang dibuat secara terpisah. Hal ini dapat dijelaskan dengan sukatan pelajaran kedua-dua aras persekolahan dicetak secara berasingan. Seperkara lagi, kurikulum edisi 2000 ini mungkin telah mengambil kira kandungan sukatan yang terlalu kering dan mampat (Lim, 1999), oleh itu beberapa tajuk telah digugurkan.

Transformasi kurikulum Sejarah bukan sahaja dalam aspek kurikulum sahaja, malah transformasi turut berlaku dalam status mata pelajaran tersebut di sekolah-sekolah. Ia dilihat bagi memastikan matlamat pembinaan bangsa dan kedaulatan negara tercapai. Mulai 1989 mata pelajaran Sejarah diwajibkan tanpa mengira aliran dan jenis sekolah. Ini bermakna pada tahun 1993, semua pelajar Tingkatan Lima yang mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mengambil mata pelajaran Sejarah (Laporan Kajian Kedudukan Pengajaran Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah Di Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia 1991; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990a). Sebelum itu, mata pelajaran Sejarah hanyalah bersifat elektif. Lazimnya hanya pelajar aliran sastera yang akan mengambilnya, manakala pelajar aliran sains mengambil mata pelajaran Geografi. Keadaan ini tidak menghairankan kerana matlamat mata pelajaran Sejarah lebih memberi penekanan kepada aspek penghargaan kepada ciptaan atau penghasilan yang dilakukan oleh manusia di zaman silam (Musa Daia, 1978). Oleh itu ia kurang diminati oleh pelajar-pelajar aliran sains.

Transformasi juga berlaku dalam orientasi kaedah pengajaran guru. Paling jelas semenjak Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pemusatan pembelajaran lebih kepada aktiviti pelajar. Pembelajaran berpusatkan pelajar menjadikan pelajar sebagai klien guru. Oleh itu setiap pelajar tidak boleh dilayan secara sama dengan pelajar-pelajar lain kerana setiap klien mempunyai perwatakan yang tersendiri. Jelasnya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran kaedah pembelajaran yang sama tidak boleh digunakan kepada semua pelajar. Ini kerana para pelajar hanya mampu melakukan apa yang mereka terdaya lakukan (Phenix, 1994). Justeru, perubahan tersebut sekali gus telah

mengubah peranan guru daripada penyampai ilmu kepada pemudah cara atau fasilitator kepada para pelajar.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) dan Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM) yang lebih berfokus kepada guru dianggap lemah kerana ia bercorak didaktik dan tidak memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk mencetuskan pemikiran serta membolehkannya membina ilmu mereka sendiri. Justeru, dalam KBSR dan KBSM, fokus pengajaran dan pembelajaran lebih berpusatkan pelajar kerana mereka perlu aktif dalam pembinaan makna dan pengetahuan (Gray, t.t.). Kaedah ini lebih cenderung kepada penggunaan teori pembelajaran kognitivisme dan konstruktivisme dan bukannya teori pembelajaran behaviurisme yang berakar umbi sejak sekian lama. Pembelajaran kognitivisme dan konstruktivisme berasaskan kepada tugas guru sebagai pengajar ilmu pengetahuan, pengembang kemahiran dan pembentuk budi pekerti atau akhlak pelajar. Di samping tugas-tugas tersebut, guru juga berperanan sebagai perancang, pengurus, fasilitator, pembimbing dan sebagai model atau contoh teladan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990b). Dalam kebanyakan keadaan aktiviti pembelajaran hendaklah lebih dititikberatkan kerana proses pembelajaran tidak berlaku secara automatik dan bukan sebagai natijah kepada sesuatu jenis pengajaran yang tidak dirancang. Mengajar tanpa pelajar mendapat sesuatu, bukanlah pengajaran namanya. Oleh yang demikian, sebelum guru mengajar dia mesti tahu bagaimana murid-muridnya mempelajari sesuatu (Dodd, 1977). Jelasnya, aktiviti pelajar untuk mendapatkan pengetahuan itu amat penting. Justeru, aktiviti secara kumpulan atau kelompok lebih praktikal kerana dalam sesuatu kelompok itu terdiri daripada pelajar yang mempunyai latar belakang yang berbeza-beza. Dengan demikian, ahli dalam

kumpulan tersebut akan mewujudkan banyak idea yang berlainan walaupun mereka mempelajari sesuatu topik yang sama. Dalam perbincangan tersebut, mereka akan mempelajari konsep pembinaan sesuatu teori, kemahiran bersosial di samping cuba menyelesaikan sesuatu masalah yang diberikan (Wallace, 1985).

1.2 Pernyataan Masalah

Benarkah mata pelajaran Sejarah kurang diminati berbanding beberapa mata pelajaran lain? Itulah persoalan yang perlu difikirkan secara serius. Berdasarkan pengalaman mengajar selama sepuluh tahun di dua buah sekolah menengah serta hasil perbincangan dengan guru-guru Sejarah, saya cuba menyingkap senario ini. Rata-ratanya dilihat, mempelajari Sejarah seumpama menelan pil yang pahit. Para pelajar tahu Sejarah penting bagi tujuan-tujuan kenegaraan tetapi mereka seolah-olah tidak berdaya menolak rasa kebosanannya. Rasa bosan itu dijemakan dalam beberapa bentuk, umpamanya bagi pelajar yang berada di kelas-kelas sains tulen (pelajar-pelajar pandai), mereka mungkin akan membuat aktiviti-aktiviti pelajaran lain semasa guru mengajar Sejarah. Ataupun mereka enggan melibatkan diri semasa aktiviti pembelajaran sedang berlangsung, termasuklah lebih rela dihukum (seperti berdiri) daripada mencari maklumat yang diperlukan bagi menjawab soalan tersebut. Bagi pelajar yang berada di kelas-kelas yang agak lemah pula, mereka akan menghilangkan diri dari kelas. Mereka juga mungkin akan membuat bising, tidur dan berkhayal semasa guru mengajar. Persoalannya, mengapa fenomena sebegini berlaku?

Justeru polemik dan ‘tuduh-menuduh’ antara pihak guru dan pelajar berlaku.

Lim (1999) umpamanya, dalam kajiannya mendapati guru dan pelajar mempunyai

alasan yang tersendiri bagi menjelaskan mengapa fenomena tersebut berlaku. Guru lazimnya akan menyalahkan cara belajar pelajar serta sikap mereka terhadap pembelajaran. Manakala, pelajar pula menyatakan pelajaran tersebut terlalu kering dan mampat sehinggakan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas tidak menarik. Guru dikatakan terlalu menekankan aspek isi pengetahuan dan bukannya proses belajar.

Benarkah matlamat kurikulum Sejarah tidak terarah ke paradigma yang betul lantaran beberapa masalah pengajaran guru dan pembelajaran pelajar? Bagi guru, mereka mendakwa sekurang-kurangnya ada dua tuntutan yang dominan. Pertama, sukatan pelajaran mesti dihabiskan dalam tempoh yang ditetapkan bagi membolehkan pelajar membuat ulang kaji peperiksaan dan kedua, keputusan peperiksaan yang baik mesti dicapai dalam peperiksaan awam. Realiti ini menyebabkan para guru lebih menumpukan kepada 'objektif tersurat' yang mudah dinilai oleh pelbagai pihak. Justeru, salahkah guru jika sedaya upaya serta bertungkus lumus untuk memastikan mata pelajaran yang diajar itu mencapai kelulusan yang terbaik dalam peperiksaan, tanpa mengambil pusing sama ada cara pengajarannya diminati atau tidak malah ia dianggap menjadi perkara yang kurang penting? Salahkah pula guru-guru jika mereka mampu membuat ramalan soalan-soalan yang mungkin akan dikeluarkan dalam peperiksaan, dan lantaran daripada itu dipandang hebat pula oleh orang lain? Sementelahan pula ada banyak kajian yang membuktikan bahawa keberkesanan kaedah pengajaran tidak menunjukkan perbezaan ketara ke atas keputusan peperiksaan (Rohana Zubir, 1986). Sekali pandang ia kelihatan agak aneh, walau bagaimanapun ramai berpendapat dan masih percaya bahawa kriteria yang menentukan seseorang guru itu mencapai kualiti pengajaran yang tinggi atau sebaliknya amat bergantung kepada tahap kepuasan para pelajarnya (Oliver, 2001). Itulah hakikatnya!

Adakah paradigma pengajaran guru tidak menepati matlamat dan objektif kurikulum Sejarah, kerana terlalu memberi penekanan terhadap peperiksaan? Walaupun ia sebenarnya masih menepati 'cita rasa' para pelajar. Bagi pelajar, kalau mereka bersungguh-sungguh mempelajari Sejarah, matlamat mereka sebenarnya hanya satu iaitu untuk mendapat kelulusan yang lebih baik dalam peperiksaan. Mereka tidak mahu angka '9' kerana dibimbangi akan menjadi penghalang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pendidikan yang lebih tinggi ataupun sebagai prasyarat untuk menceburi bidang pekerjaan.

Senario tersebut dilihat menimbulkan persoalan yang besar di dalam benak guru-guru. Persoalan paradigmatukah yang lebih penting ataupun persoalan peperiksaan yang utama? Apakah guru-guru sewajarnya menanggung sepenuh tanggungjawab lantaran kegagalan menjadikan peratus kelulusan mata pelajaran Sejarah berada di tahap yang memuaskan dalam peperiksaan awam khususnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada setiap tahun? Adakah kegagalan tersebut mencerminkan kelemahan guru Sejarah itu sendiri ? (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1989).

Wajarkah guru-guru 'dengan rela hati' 'memikul' semua kelemahan-kelemahan yang berlaku di atas pundak mereka? Namun, bagaimana pula seperti yang dinyatakan sebelum ini, mereka punyai dua tuntutan yang perlu 'didahulukan' kerana di situlah indeks prestasi guru Sejarah diletakkan. Sementelahan pula, pihak sekolah lazimnya tidak bertanya pun bagaimana pengajaran seseorang guru itu dijalankan, jika prestasi peperiksaannya sentiasa cemerlang!

Sekilas pandang, 'masalah' tersebut tiada cacat celanya kepada guru-guru kerana mereka menemukan titik persamaan antara kepentingan mereka sendiri, para pelajar dan juga pihak sekolah untuk mencapai kecemerlangan melalui wadah